

Kecil hati ibu kedekut

Anak merajuk sehingga enggan balik kampung

KAUNSELING REMAJA

Prof Madya Datin
Dr Sapora Sipon
rencana@hmetro.com.my

? Saya serba salah dengan sikap ibu yang terlalu mementingkan duit daripada anak yang betul-betul dalam kesusahan. Memang sikap ibu dari dulu terlalu berkiara atau dengan kata lain kedekut jika berkaitan duit.

Baru-baru ini saya menghadapi masalah dan sangat memerlukan duit. Apabila menghubungi ayah dan menceritakan mengenai masalah dihadapi, dia tidak mempunyai masalah untuk memberikan bantuan.

Bagaimanapun, apa yang menjadi masalah apabila ibu mengetahuinya, penyakit darah tingginya mula menyerang. Dia sampai pitam dan pengsan, malah tidak boleh bangun langsung. Ibu mengambil serius soal saya mahu meminjam duit itu walaupun ia adalah duit ayah.

Untuk pengetahuan Dr, memang dari dulu jika berkaitan soal duit ibu mempunyai sikap dan ragam sedemikian. Agaknya ibu lebih rela anaknya mati daripada memberikan bantuan.

Ayah pula serba salah

dan dalam dilema. Saya yakin dengan sepenuh hati jika ayah masih juga ingin memberikan bantuan, pasti penyakit ibu akan lebih melarat.

Sekarang saya tawar hati untuk balik ke kampung walaupun memang sudah melakukan perancangan pada masa terdekat.

Biarlah ibu dengan kehidupan dan duitnya. Kadangkala terdetik di hati saya untuk tidak balik lagi sampai bila-bila agar ibu tidak mengenali dan melihat cucunya lagi.

Hati saya terluka sekarang. Mohon nasihat Dr apa yang perlu saya lakukan?

KECIL HATI, Perlis

! Terima kasih kerana sudi berkongsi masalah ini. Dr empati dan memahami situasi yang sedang menimpa adik sejak sekian lama.

Sikap ibu merisaukan adik kerana mengatakan ibu lebih mementingkan duit berbanding kebajikan anaknya.

Apa yang Dr faham, ibu adik akan mengalami darah tinggi apabila duit diberikan kepada anaknya.

Setiap insan mempunyai ragam dan telatah masing-masing yang berkemungkinan disebabkan pengalaman hidup dialami. Dr tidak begitu pasti mengapa ibu adik ber-

kelakuan sedemikian.

Namun, sukar untuk mengubah tingkah laku individu melainkan cara kita cuba untuk mendekati diri individu itu untuk memahami mengapa dia berkelakuan sebegini.

Dr memahami perasaan adik yang masih kesal dengan perbuatan ibu sebelum ini. Namun, adik mungkin boleh melihat dari sudut keadaan kesihatannya yang mudah sakit dan boleh membantu dari segi sokongan moral.


Malah, adik juga boleh membantu ayah adik dalam menghadapi dilema yang ditanggung olehnya untuk membuat pilihan di antara isteri dan anak.

Jika adik sudah bekerja, Dr ucapkan tahniah kerana adik memperolehnya selepas menghadapi kesulitan dari segi kewangan sebelum ini.

Berikan ucapan terima kasih kepada ayah dan juga ibu adik dengan harapan dia terfikir akan kebaikan anaknya meskipun berkira-kira sebelum ini.

Jika belum, Dr menyarankan agar adik juga perlu berlembut hati dengan ibu dengan mula membina hubungan lebih erat kerana kejayaan anak selalunya atas doa dan reda kedua ibu bapa.

Memang benar hati yang terluka sukar diubati. Namun, anggaplah pera-



saan terluka itu seperti racun yang membunuh diri kita secara senyap. Selain lebih merenggangkan hubungan adik dengan ibu, ia meningkatkan potensi terhadap dosa derhaka kepada orang tua.


Haruslah diingatkan perlakuan itu akan me-

ngundang perkara tidak baik dalam hidup adik di dunia lagi kerana ia adalah janji daripada Allah.

Kita adalah hamba Allah yang diberikan kebebasan untuk memilih. Namun, kita juga dipertanggungjawabkan terhadap pilihan dibuat.

Pilihan adalah di tangan adik. Dr mengharapkan adik tabah untuk menghadapi dugaan ini dan terus berdoa kepada Allah untuk melembutkan hati ibu adik.

Semoga urusan adik dipermudahkan dan berjalan dengan baik. Amin



Tidak tahan hidup terkongkong

? Saya seorang gadis remaja berusia 15 tahun. Saya ingin luahkan isi hati yang tersirat ini. Hidup saya amat membosankan kerana dikongkong tahap kritikal oleh ibu sehingga semuanya tidak boleh dan asyik dimarah saja.

Apa yang saya buat semua tidak kena. Saya tidak boleh keluar dengan kawan. Saya sudah tidak dapat bertahan lagi dengan keadaan hidup ini, malah merasakan hidup saya bagai katak di bawah tempurung.

Tolonglah beritahu kepada ibu bapa kesan terlalu mengongkong anak.

GADIS TERTEKAN,
Johor

! Ibu bapa adalah dua insan pertama yang hidup bersama kita sejak lahir. Ibu bapa sering kali berusaha untuk mendidik dan memberikan yang terbaik kepada anak mengikut acuan mereka.

Sebagai anak, kita kadangkala tidak mampu memahami cara ibu bapa mendidik kita.

Bagaimanapun, kita sebagai anak mempunyai tanggungjawab untuk menghormati mereka. Anak harus memahami bahawa tanggungjawab sebagai ibu bapa adalah berat untuk dipikul.

Memang remaja mempunyai keinginan tersendiri untuk dipenuhi. Kadangkala keinginan itu bertenangan dengan apa yang di-

mahukan oleh ibu bapa.

Kongkongan yang dirasakan oleh adik berkemungkinan kerana tidak berterus terang dengan apa yang dirasakan kepada ibu bapa.

Bagi tujuan memperbaiki keadaan ini, Dr mencadangkan adik berbaik-baik dengan ibu seperti membuat sesuatu yang boleh melembutkan hatinya. Contohnya meringankan beban kerja rumah. Ini satu cara untuk memperbaiki hubungan adik dengan ibu bapa.

Ia akan meningkatkan potensi adik untuk meluahkan apa yang dirasakan sebagai seorang anak terhadap cara didikan mereka.

Sebagai contoh, meminta izin untuk keluar bersama kawan, adik perlu menjelaskan tujuan adik

berbuat demikian.

Jika adik banyak bersebelahan, ia kurang menyenangkan hati mereka dan membuatkan lebih banyak bersangka buruk.

Selain itu, penting untuk adik memohon kepada Allah agar menghilangkan perasaan bosan dan tidak suka dengan tindakan ibu bapa.

Perasaan yang menyenangkan kepada ibu bapa menyebabkan kita mudah untuk mentaati mereka yang juga perintah Allah.

Dr mengharapkan adik dapat menghadapi semua ini dengan tabah. Perjalanan adik masih jauh kerana belum menghadapi dunia luar dengan orang mempunyai pelbagai ragam tidak terduga.